

Tajuk:

Ciri-ciri dan Anggaran Saiz Ekonomi Bawah Tanah di Malaysia.

Abstrak

KDNK adalah ekonomi rasmi sesebuah negara tetapi ia bukan ekonomi sebenar negara. Jurang antara KDNK dan ekonomi sebenar telah menjurus kepada konsep ekonomi kedua. Ekonomi bawah tanah (EBT) adalah sebahagian daripada ekonomi kedua. EBT ditakrifkan sebagai pendapatan daripada aktiviti sah undang-undang (ekonomi tidak teratur) dan aktiviti yang dilarang (ekonomi haram) yang elak cukai. Ciri-ciri dan saiz EBT dianggarkan berdasarkan data penguatkuasaan cukai dan jenayah komersial bagi tempoh 1980-2009, dengan menggunakan teknik nisbah dan regresi. Objektif kajian EBT ini adalah untuk; meneroka proksi EBT, menganggar saiz dan pertumbuhan EBT; mengenal pasti ciri-ciri EBT; menyiasat hubung kait EBT dengan ekonomi (IHP, KDNK perkapita, wang tunai dalam edaran, penggunaan kuasa elektrik dan krisis ekonomi) dan menilai interaksi kerajaan untuk mengekang EBT (sistem cukai dan perbelanjaan persekutuan).

Bagi tempoh 1980-2009, EBT telah meningkat sebanyak 5.46 kali ganda berjumlah RM849 bilion. Saiz EBT turun naik antara 8.92% dan 26.94%, yang selalunya berputar dalam lingkungan 20% daripada KDNK. Pertumbuhan EBT pada arah yang bertentangan dengan KDNK, menandakan hubungkait antara kedua-dua ekonomi adalah saling melengkapi. Antara 60% hingga 80% daripada UE terdiri daripada ekonomi tidak teratur dan 20% hingga 40% terdiri daripada

ekonomi haram. Pada masa ekonomi merudum, ekonomi tidak teratur adalah pada tahap minima manakala ekonomi haram adalah pada tahap maksimum. Dari segi penglibatan ahli, EBT institusi adalah lebih tinggi (88.37%) daripada EBT individu (21.63%), tetapi kecenderungan penyertaan EBT adalah sama, kira-kira 50% pendapatan masing-masing disembunyikan. EBT adalah lebih condong daripada ekonomi rasmi dalam sektor yang sama dan antara sektor yang berlainan terutamanya di kalangan pendapatan tinggi. Taburan pendapatan yang condong ke kiri sedikit sebanyak telah menyumbang kepada "bebanan cukai" dan "keuntungan peribadi" yang tidak adil, yang boleh memburukkan lagi jurang pendapatan penduduk.

Pada "ekonomi malar", EBT adalah paling anjal terhadap IHP (3.14%), diikuti oleh KDNK per kapita (0.74%), wang tunai dalam edaran (0.97%) dan penggunaan kuasa elektrik (1.29%). EBT telah menjejaskan belanjawan Negara, bagi dekad 2000-an, impaknya terhadap cukai langsung dan cukai tidak langsung berjumlah 13.85% dan 24.96% daripada hasil persekutuan masing-masing. Usaha-usaha pemulihan oleh kerajaan melalui; reformasi sistem cukai telah mengubah campuran cukai gagal patuh; dan peningkatan perbelanjaan persekutuan telah mengurangkan pertumbuhan dan saiz EBT berbanding KDNK; tetapi tidak mencukupi untuk mengurangkan nilai mutlaknya.